

POTENSI PERBANKAN ISLAM SEBAGAI MEDIUM BARU PERKEMBANGAN DAKWAH DI MALAYSIA

Mohammad Taqiuddin Mohamad*

Joni Tamkin Borhan**

Mohd Afifuddin Mohamad***

Abstrak

Dakwah adalah usaha mengajak manusia kepada Islam yang dilaksanakan melalui kaedah yang pelbagai. Kini, industri perbankan Islam dilihat boleh menjadi antara medium terbaik yang berkesan dalam dakwah. Menggunakan kaedah perbandingan, makalah ini menonjolkan kelebihan dan kekuatan sistem perbankan Islam berbanding sistem konvensional dalam memmanifestasikan sifat sempurna Islam. Ini adalah berdasarkan fakta bahawa sistem perbankan Islam merupakan antara industri yang paling cepat berkembang dalam dunia kewangan hari ini. Ia bukan sahaja diterima meluas oleh masyarakat Islam malah masyarakat bukan Islam. Akhirnya, makalah ini menegaskan bahawa sistem perbankan boleh menjadi media dakwah yang paling meluas, dengan syarat kelebihan dan kekuatannya disedari oleh pemain kewangan Islam sendiri di samping memahami tanggungjawab atas semua Muslim untuk berdakwah.

Kata kunci: Dakwah, perbankan Islam, kewangan Islam, bukan Muslim

Abstract

Da'wah is an effort to invite people towards Islam through various approaches. Presently, the Islamic banking industry is seen to amongst the best medium for da'wah. Employing comparative method, this paper highlights some advantages and strengths of Islamic banking system against the conventional system, especially towards manifesting the comprehensiveness of Islam. This is based on the fact that Islamic banking system is one of the fastest growing industries in the financial world today. It is widely acknowledged not only by Muslims but also non-Muslims. Finally, this paper maintains the effectiveness of Islamic banking system as a medium for da'wah, provided that its advantages and strengths are realised by Muslim players within the industry while also recognise their responsibilities in da'wah.

Keywords: Da'wah, Islamic banking, Islamic finance, non-Muslims

* Mohammad Taqiuddin Mohamad, MEcons, adalah Felo SLAB di Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Joni Tamkin Borhan, PhD, adalah Profesor dan Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

*** Mohd Afifuddin Mohamad, MPhil, adalah Felo RLKA, Kluster Gaya Hidup Sihat, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, Universiti Sains Malaysia.

Pendahuluan

Penulisan ini membincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh perbankan Islam dalam menjalankan gerak kerja dakwah di Malaysia. Melalui penulisan ini beberapa ciri unik dan potensi yang dimiliki oleh perbankan Islam akan ditonjolkan bagi membuktikan industri perbankan Islam berpotensi dijadikan antara saluran dakwah yang berkesan bagi menarik orang ramai khususnya golongan bukan Islam di Malaysia kepada Islam menerusi pengaplikasian produk serta perkhidmatan kewangan patuh Syariah yang ditawarkan. Penulisan ini turut menjelaskan hubungan perbankan Islam dengan peranan dakwah yang kemudiannya diikuti sejarah ringkas pelaksanaan sistem perbankan Islam di Malaysia di samping beberapa aspek yang membezakan perbankan Islam dengan perbankan konvensional.

Pengenalan kepada Dakwah

Dari sudut bahasa, perkataan dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.¹ Ia berasal daripada perkataan Arab yang memiliki pelbagai pengertian seperti menyeru, memohon pertolongan, mengawasi, mengajak dan menjemput.² Dari sudut istilah, dakwah adalah proses mengajak dan memimpin individu lain ke jalan Allah SWT oleh pendakwah atau *da'i* kepada sasaran dakwah atau *mad'ū* dengan tujuan segala perlakuan dan tindakannya akan mendapat kerediaan daripada Allah SWT, yang kemudiannya mengarah kepada kesejahteraan hidup *mad'ū*.³

Perkataan dakwah sebenarnya memiliki maksud yang lebih luas dan tidak terhad seperti yang dinyatakan di atas. Dalam al-Qur'an, perkataan dakwah menggunakan istilah yang pelbagai dan sarat dengan makna konseptual yang terperinci.⁴ Malah perkataan dakwah

¹ *Kamus Dewan* (2000), edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 305.

² Abū al-Faḍl Muḥammad bin Mukarram ibn Manzūr (1990), *Lisān al-'Arab*, Beirut: Dār al-Šādīr, j. 14, h. 257-261.

³ 'Alī 'Abd al-Ḥalīm Maḥmūd (1992), *Fiqh al-Da'wah al-Fardiyyah*, t.tp.: Dār al-Wafā', h. 25.

⁴ Kata *da'wah* dalam pelbagai kosa kata digunakan dalam al-Qur'an sebanyak 212 kali. Dalam bentuk *fi'l māḍī* sebanyak 25 kali, *majhūl* 5 kali yang bersamaan 30 kali. Dalam bentuk *fi'l muḍāri'* sebanyak 100 kali, *majhūl* 11 kali yang bersamaan 111 kali. Dalam bentuk *fi'l amr*, digunakan sebanyak 32 kali, sedangkan dalam bentuk *ism* dan *ism fā'il* sebanyak 7 kali, *maṣdar* 32 kali, iaitu dalam bentuk kata *du'ā'* 20 kali, dalam bentuk kata *da'wah* 10 kali dan dalam bentuk jamak iaitu kata *ad'iyā'* sebanyak 2 kali. Perkataan *di'āyah* yang membawa maksud

dalam al-Qur'an banyak digunakan dalam bentuk kata kerja yang secara tidak langsung memberi indikasi bahawa kegiatan dakwah perlu dilakukan secara dinamik, serius, sistematik dan profesional dengan gabungan pelbagai unsur yang melibatkan pelaku, tempat dan masa di samping fungsi pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan serta penilaian.⁵

Dalam hal ini, Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Nahl*, 16:125,

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْ لَهُم بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ
إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang Engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Ayat di atas jelas membuktikan Allah SWT menggunakan perkataan dakwah dalam bentuk kata kerja suruhan atau *amr* dalam menyeru umat Islam melakukan gerak kerja dakwah selain dikemukakan kaedah berkesan bagi menarik minat orang ramai terhadap dakwah yang disampaikan iaitu secara berhikmah dan dengan memberi peringatan yang baik. Dalam hal ini kaedah melakukan dakwah tidak hanya terhad kepada proses melakukan seruan dan laungan semata-mata⁶ malah boleh dilakukan melalui kaedah menarik perhatian orang ramai terhadap ajaran serta pendekatan yang dibawa oleh Islam.⁷ Sasaran dakwah juga tidak hanya terbatas kepada satu kelompok masyarakat tertentu, tetapi perlu diperluaskan kepada pelbagai golongan

propaganda sama sekali tidak digunakan dalam al-Qur'an. H. Asep Muhiddin (2002), *Dakwah dalam Perspektif al-Qur'an*, Bandung: CV Pustaka Setia, h.40.

⁵ *Ibid.*, h. 41.

⁶ Ab. Aziz Mohd Zain (2003), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 4.

⁷ Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mat (2003), "Pendekatan Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM)", *Jurnal Usuluddin*, bil. 17, h. 137-152.

tanpa mengira bangsa dan warna kulit.⁸ Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dakwah merupakan proses mengajak manusia sama ada Muslim ataupun bukan Muslim kepada agama Allah dengan menggunakan pelbagai pendekatan serta metodologi yang tersusun dan berkesan. Dakwah juga tidak perlu statik kepada satu kaedah dan pendekatan semata-mata tetapi perlu dikembangkan kerana kewajipan menyeru manusia kepada kebenaran bersifat universal dan menyeluruh kerana Islam adalah sumber cahaya kepada semua manusia tanpa mengira warna kulit, bahasa dan juga bangsa.

Pengenalan kepada Perbankan Islam

Perbankan Islam merujuk kepada satu sistem yang diwujudkan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan bank khususnya kepada umat Islam yang berlandaskan hukum syarak. Manakala sistem perbankan Islam pula bermaksud institusi kewangan yang beroperasi dengan objektif untuk mengimplementasikan prinsip ekonomi dan kewangan Islam dalam arena perbankan.⁹ Perbankan Islam juga merupakan konsep normatif yang boleh ditakrifkan sebagai pengurusan bank yang bersesuaian dengan sistem nilai Islam.¹⁰ Apabila sesuatu sistem perbankan dianggap sebagai Islam, setiap urusan niaganya adalah berasaskan kepada konsep perkongsian untung dan rugi yang didasari oleh ekuiti para peserta. Asas bagi urusan niaga tersebut pula adalah konsep perkongsian dengan pelanggan, bukan sebagai penghutang dengan si pemiutang. Dalam erti kata lain, perbankan Islam bukan sahaja terhenti pada prinsip penghapusan faedah.¹¹

⁸ Apabila merujuk kepada sejarah para Nabi, memang diakui bahawa usaha dakwah yang dilakukan hanyalah untuk kaum mereka sendiri sebagaimana Nabi Musa a.s. kepada kaum Bani Israil, begitu juga dengan Nabi Isa a.s. Nabi Hud kepada kaum 'Ad dan Nabi Salih kepada kaum Thamud. Namun, berbeza dengan Nabi Muhammad s.a.w. yang diutus kepada seluruh umat manusia dan risalah yang dibawanya membawa rahmat kepada sekalian alam dan seluruh umat manusia selepasnya tanpa mengira sempadan geografi, warna kulit, bangsa, bahasa, budaya serta merentasi zaman dan masa. Abdul Majid Omar (2007), "Pengenalan Dakwah" (Makalah Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi, 28-30 Mei 2007), h. 2.

⁹ Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam (2008), *Islamic Banking: A Practical Perspective*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia, h. 2.

¹⁰ International Centre for Education in Islamic Finance (2006), *Islamic Financial Institutions and Markets*, Kuala Lumpur: International Centre for Education in Islamic Finance, h. 90.

¹¹ Joni Tamkin Borhan dan Hadenan Towpek (2006), *Untung dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.70.


Perbankan Islam dan Peranan Dakwah

Makalah ini mengemukakan bagaimana perbankan Islam secara tidak langsung boleh memainkan fungsi sebagai medium baru perkembangan dakwah di Malaysia. Tidak dinafikan di Malaysia sebenarnya terdapat begitu banyak institusi dan pertubuhan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah. Keterlibatan mereka bukan sahaja tertakluk pada aktiviti, malah turut melibatkan pembentukan misi, visi dan objektif institusi yang kesemuanya mempunyai perkaitan dengan aktiviti dakwah.¹² Walau bagaimanapun, peranan dan keadaan ini berbeza sama sekali dalam konteks perbankan Islam.

Institusi perbankan Islam pada dasarnya ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan perbankan alternatif kepada umat Islam. Jika diteliti, untuk jangka masa pendek perbankan Islam secara tidak langsung berperanan sebagai medium baru dakwah. Manakala untuk jangka masa panjang, peranan dakwah ini boleh dijadikan peranan utama perbankan Islam seiring dengan objektif utama lain yang digariskan. Justeru atas dasar ini, makalah ini menonjolkan bagaimana perbankan Islam secara tidak langsung berpotensi menjadi saluran baru dakwah di Malaysia ekoran keupayaan menarik orang ramai sama ada di kalangan masyarakat Islam dan juga bukan Islam untuk mendekati Islam melalui produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan. Jadi dalam hal ini perbankan Islam boleh memainkan dua fungsi secara serentak iaitu selain menyediakan produk serta perkhidmatan perbankan tanpa riba, perbankan Islam boleh juga memainkan fungsi memperkembangkan aktiviti dakwah. Ini kerana jika dikaitkan sepenuhnya perbankan Islam dengan rukun dakwah, perbankan Islam mempunyai keupayaan yang ideal bagi menjadikannya berkesan serta sesuai dijadikan sebagai medium baru pelaksanaan dakwah di Malaysia.

¹² Antaranya Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Jemaah Islah Malaysia (JIM) dan sebagainya.

Rajah 1: Peranan Perbankan Islam dalam Dakwah



Sumber: Ilustrasi Penulis

Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional

Perbankan Islam mirip dengan perbankan konvensional di mana keduanya merupakan organisasi yang bermatlamatkan keuntungan dalam operasi perniagaan. Walau bagaimanapun dalam mengejar keuntungan, perbankan Islam ditegah sama sekali daripada terlibat dalam transaksi riba ataupun sebarang kegiatan yang tidak dibenarkan oleh Syarak. Sehubungan itu, bahagian ini membuat perbandingan mudah yang membezakan perbankan Islam dengan perbankan konvensional. Berikut merupakan ciri-ciri perbezaan yang wujud.

Rajah 2: Perbezaan Perbankan Islam dan Konvensional

Ciri-ciri	Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
Rangka kerja perniagaan	Fungsi dan mod operasi bersandarkan prinsip syariah. Bank perlu memastikan semua aktiviti perniagaan berada dalam ruang lingkup Syariah.	Fungsi dan mod operasi berasaskan prinsip sekular dan tidak bersandarkan panduan dan ajaran agama.

Larangan riba dalam pembiayaan	Pembiayaan tidak berasaskan faedah dan berasaskan prinsip jual beli aset, di mana harga jualan meliputi margin keuntungan dan tetap sejak dari bermula pembiayaan.	Pembiayaan berasaskan faedah. Kadar faedah tetap dan berubah dikenakan ke atas pinjaman wang.
Larangan riba ke atas deposit	Deposit tidak berasaskan riba tetapi berasaskan prinsip perkongsian untung rugi di mana pelabur akan berkongsi peratusan tetap daripada keuntungan yang diperolehi.	Deposit adalah berasaskan faedah dan pelabur dijamin kadar faedah yang ditetapkan dengan jaminan ke atas bayaran prinsipal.
Pembiayaan ekuiti dengan perkongsian risiko	Bank menawarkan pembiayaan ekuiti bagi sesuatu projek perniagaan ataupun projek usaha sama. Sebarang kerugian akan dikongsi bersama berasaskan nisbah perkongsian yang dimeterai di awal kontrak.	Tidak ditawarkan. Hanya ditawarkan di bank-bank pelaburan dan syarikat usaha sama. Biasanya mereka akan turut serta dalam pengurusan.
Pendapatan bank	Bank Islam memperoleh pendapatan mengikut konsep perkongsian untung dan rugi bersama pelanggan.	Bank konvensional mendapat pendapatan melalui kadar tetap faedah yang dikenakan kepada pelanggan.
Sekatan	Bank Islam disekat daripada terlibat dalam sebarang aktiviti ekonomi yang tidak patuh Syariah. Misalnya bank Islam tidak boleh membiayai perniagaan yang melibatkan penjualan arak, babi, aktiviti pelacuran dan sebagainya.	Tiada sebarang sekatan dikenakan.

Zakat	Dalam sistem perbankan Islam moden, bank Islam memainkan peranan dalam membuat kutipan dan agihan zakat.	Tidak terlibat dalam membuat kutipan dan agihan zakat.
Denda ke atas kemung-kiran	Tiada peruntukan untuk mengenakan sebarang tambahan wang daripada peminjam yang gagal menjelaskan wang tepat pada masa yang ditetapkan. Nota: Seseengah bank Islam mengenakan wang ganti rugi ke atas kelewatan tetapi tidak melebihi 1% dan tidak dimasukkan ke dalam pendapatan bank, sebaliknya disalurkan kepada kebajikan.	Biasanya mengenakan tambahan wang bagi sebarang kes kemung-kiran. Hal ini amat menindas pelanggan.
Larangan <i>gharar</i>	Transaksi yang mengandungi elemen judi dan spekulasi ditegah sama sekali.	Sebarang transaksi perniagaan instrumen derivatif atau hadapan yang melibatkan unsur spekulasi dibenarkan.
Hubungan pelanggan	Hubungan antara bank Islam dengan pelanggan adalah berasaskan hubungan antara rakan kongsi/pelabur dengan pengusaha.	Hubungan antara bank dan pelanggan lebih bersifat penghutang dan pemiutang.
Jawatan-kuasa Penasihat Syariah	Setiap bank Islam memiliki Jawatankuasa Penasihat Syariah bagi memastikan semua operasi perniagaan perbankan Islam mematuhi Syariah.	Tiada keperluan mewujudkan Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Keperluan undang-undang	Bank Islam perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan juga Garis Panduan Syariah.	Bank konvensional hanya perlu mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
Aspek penilaian	Penilaian besar diberikan terhadap potensi atau <i>vialbility</i> , prestasi dan prospek projek yang sedang dibiayai.	Penilaian yang diberikan lebih melihat kepada kemampuan peminjam untuk membayar pinjaman sahaja tanpa mepedulikan apa yang berlaku terhadap projek yang diuruskan pelanggan.

Sumber: Diubahsuai daripada perbandingan oleh Zaharuddin¹³ dan Suleiman¹⁴

Penonjolan perbezaan besar antara sistem perbankan Islam dengan konvensional yang dapat diperhatikan dalam jadual di atas berupaya menjadikan sistem perbankan Islam itu sendiri sebagai medium mendekati manusia kepada Islam. Sekurang-kurangnya, perbezaan yang ada menonjolkan bahawa Islam mempunyai alternatif yang lebih baik jika difahami dan dilaksanakan dengan betul. Ini dapat mendedahkan masyarakat awam, sama ada yang Islam atau bukan Islam, dengan kesyumulan Islam.

Perbankan Islam sebagai Medium Baru Dakwah

Secara umumnya, sebelum kewujudan perbankan Islam di Malaysia, umat Islam yang komited dengan Islam kurang menyertai pelbagai rancangan ekonomi yang dibuat oleh kerajaan kerana bimbang terlibat dengan aktiviti bank berasaskan riba.¹⁵ Malah kegagalan Dasar

¹³ Zaharuddin Abd Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam*, Kuala Lumpur: True Wealth, h. 112-117.

¹⁴ Suleiman Mohammad (2011), "American Muslims Perceptions of Islamic Banking in the Chicago Metropolitan Area" (Tesis Doktor Falsafah, Chicago College of Business and Information Technology), h. 22-25.

¹⁵ Buktinya pada masa tersebut, mereka telah memilih kaedah pembiayaan lain seperti amalan jual janji bagi mengelak daripada terlibat dengan pinjaman daripada institusi ceti. Joni Tamkin Borhan (2005), "Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia", dalam Abdullah Alwi Haji Hasan *et al.*

Ekonomi Baru (DEB) mencapai matlamat penguasaan 30% bumiputera dalam ekonomi negara juga tidak terlepas daripada hakikat ini.¹⁶ Atas faktor inilah masyarakat Islam di Malaysia begitu menginginkan undang-undang Syariah diterapkan dalam bidang pengurusan bank dan pembiayaan¹⁷ kerana tidak ingin terlibat dalam mu'amalah dengan sistem riba.¹⁸ Ekoran situasi ini, masyarakat Islam di Malaysia mula mendesak pihak kerajaan agar mewujudkan sistem perbankan yang selari dengan kehendak Islam.¹⁹

Akhirnya pada 1983, bank Islam pertama di Malaysia telah diperbadankan. Sejak itu, industri ini mengalami banyak perubahan dan kemajuan khususnya dalam menyediakan perkhidmatan kewangan tanpa faedah bukan sahaja kepada umat Islam, malah kepada masyarakat bukan Islam. Dalam konteks dakwah, ia boleh dikatakan menjadi satu cara berdakwah dengan kesan khususnya dari aspek menzahirkan kesyumulan dan keindahan Islam, dalam menyediakan perkhidmatan kewangan yang bukan sahaja unik malah boleh diterima oleh semua golongan. Sehubungan itu, bahagian ini menjelaskan bagaimana industri perbankan Islam boleh dijadikan medium baru dakwah bagi menarik lebih ramai masyarakat bukan Islam untuk mendekati Islam sama ada secara langsung ataupun sebaliknya. Berikut merupakan kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh industri

(ed.), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, h. 41-87.

¹⁶ Mohd Ali Baharom (1999), "SPTF Sebagai Alternatif dalam Sistem Kewangan Negara", dalam Abdul Jalil Borhan (ed.), *Sains Muamalah Islam*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, h. 180.

¹⁷ Buktinya pada tahun 1980, Satu Kongres Ekonomi Bumiputera 1980 telah meluluskan beberapa ketetapan meminta pihak kerajaan membenarkan penubuhan sebuah bank Islam bagi menggerakkan dan melabur dana-dana orang Melayu dan Islam selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Pada tahun berikutnya pula, Seminar Kebangsaan tentang Konsep Pembangunan dalam Islam yang berlangsung di Universiti Kebangsaan Malaysia pada bulan Mac 1981 telah meluluskan satu resolusi meminta kerajaan mengambil langkah segera untuk menggubal akta perbankan yang beroperasi mengikut prinsip Syariah Islam. Cheah Kooi Guan (1994), *Institusi-institusi Kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 77. Abdul Halim Ismail (1983), "Bank Islam Malaysia Berhad: Structure and Functions" (Seminar on Current Trends and Development of the Banking Industries in Malaysia, Public Bank Berhad, Kuala Lumpur).

¹⁸ Abdul Hadi Awang (2005), *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*, Kuala Lumpur: Nufair Street, h. 156.

¹⁹ Chandra Muzaffar (1988), *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, h. 63.

ini yang dianggap mampu menarik lebih ramai masyarakat bukan Islam untuk mendampingi Islam.

Bebas daripada Unsur Faedah yang Menindas

Perbezaan yang paling jelas antara perbankan Islam dan perbankan konvensional adalah dari sudut ketiadaan amalan riba. Islam menegah umatnya daripada mengambil dan memberi riba walaupun ia bertujuan untuk mendapatkan pinjaman sekalipun kadar faedah yang dikenakan adalah rendah. Islam hanya membenarkan beberapa bentuk pinjaman antaranya seperti pinjaman kebajikan atau *qard al-hasan* di mana peminjam tidak dikenakan sebarang faedah ataupun tambahan ke atas jumlah yang dipinjam.²⁰ Hal ini kerana sebarang faedah atau tambahan yang dikenakan akan membebankan seseorang dan seterusnya akan mewujudkan jurang yang luas antara golongan kaya dan golongan miskin selain kekayaan di sesuatu tempat itu hanya akan berlegar di kalangan golongan tertentu sahaja. Tegahan yang dibuat oleh Islam ini juga turut dilaksanakan oleh agama selain Islam iaitu Yahudi dan Kristian kerana ia bukan setakat menjejaskan ekonomi malah turut memberi kesan negatif terhadap aspek lain seperti sosial dan sebagainya.²¹ Penonjolan aspek ini berupaya mendekatkan manusia kepada nilai murni yang ada dalam ajaran Islam. Dengan itu, di samping berniaga, sistem kewangan Islam yang bebas daripada unsur faedah dapat dikemukakan sebagai saluran memperkenalkan elemen ajaran Islam.

Tiada Unsur Haram dan Memudaratkan

Struktur pentadbiran perbankan Islam adalah merujuk kepada set peraturan yang ditetapkan oleh al-Qur'an, al-Sunnah, ijmak dan kias di samping sumber-sumber hukum lain dalam Islam. Atas dasar ini pembangunan budaya korporat dalam perbankan Islam berbeza dengan

²⁰ *Ibid.*

²¹ Norlela Kamaruddin (2000), "The Prohibition of Riba: A Religious Moral Obligation...?", *Jurnal Tasawwur Islam*, jil. 4, September, h. 22-27. Riba bagi agama Samawi telah dinyatakan haram. Ada disebut dalam *Perjanjian Lama*, ayat 25 pasal 22, "Bila kamu memberi hutang wang kepada seseorang di antara bangsamu, maka janganlah kamu berlaku seperti seorang pemberi hutang, jangan kamu meminta keuntungan padanya untuk memiliki wang". Umat Nasrani secara tegas mengharamkan riba bagi semua orang tanpa membezakan seseorang itu dari kalangan Nasrani mahupun selain bangsa Nasrani. Sebaliknya orang-orang Yahudi pula beranggapan bahawa riba itu hanya terlarang jika ia dilakukan sesama Yahudi, tetapi tidak terlarang dilakukan terhadap bangsa lain. Muhammad Thalib (1997), *Riba, Bunga Bank dan Persoalannya*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 5-6.

perbankan konvensional di mana matlamat utamanya adalah penciptaan prinsip moral dan spiritual yang kolektif. Prinsip ini apabila digabungkan dengan pengeluaran produk dan perkhidmatan kewangan akan menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan cara hidup Islam.²² Bagi memenuhi hasrat ini, setiap keputusan perniagaan dan pelaburan yang dibuat oleh pelanggan dan juga perbankan Islam perlu bebas sepenuhnya daripada aktiviti yang tidak mematuhi piawai Syariah serta tidak mempunyai tanggungjawab sosial seperti pelacuran, penjualan dan pengedaran arak, perjudian, kelab malam dan sebagainya. Implikasi tegahan ini bukan sahaja mendatangkan manfaat besar kepada umat Islam, malah kepada pelanggan bukan Islam berikutan pembiayaan yang dikeluarkan perbankan Islam tidak membawa kepada usaha penubuhan pusat-pusat perniagaan bermasalah yang menyumbang kepada gejala sosial dalam masyarakat. Usaha yang ditunjukkan perbankan Islam ini seiring dengan kehendak kemanusiaan yang rata-rata bimbang dengan kekejangan gejala sosial yang berlaku kesan daripada dana yang dikeluarkan oleh institusi-institusi kewangan konvensional yang tidak mengambil berat persoalan penggunaan dana oleh pihak pelanggan. Jadi usaha yang ditunjukkan oleh perbankan Islam ini secara tidak langsung mendekatkan lagi masyarakat bukan Islam kepada ajaran Islam.²³

Sarat dengan Nilai Murni

Perbankan Islam sarat dengan nilai-nilai Islam yang mempromosi keadilan sosio-ekonomi dan pengagihan kekayaan secara adil dan saksama. Keuntungan tidak dikira sebagai unsur utama dalam menilai prestasi bank-bank Islam. Sebabnya perbankan Islam perlu bersaing dengan baik demi mencapai matlamat sosial yang melibatkan kepentingan masyarakat keseluruhannya. Idealnya sistem perbankan Islam ialah ia merupakan sistem yang disifatkan sebagai adil, altruistik dan sarat dengan nilai sosial yang bertepatan dengan kehendak Syariah. Perbankan Islam dalam hal ini memberikan ganjaran

²² Abdul Ghafar Ismail dan Achmad Tohirin (2009), "Finance and Growth: the Role of Islamic Contracts", *MPRA Paper*, no. 13744, h. 12.

²³ Perbankan Islam juga ditegah sama sekali daripada terlibat secara langsung dan besar-besaran dalam aktiviti spekulasi demi memelihara kepentingan para pendeposit yang merupakan penyumbang terbesar keutuhan dan perjalanan operasi perbankan Islam. Berikutan larangan ini, deposit orang ramai lebih-lebih lagi daripada golongan bukan Islam juga akan turut terpelihara. Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam (2008), *op.cit.*, h. 8.

kepada sebarang aktiviti ekonomi yang bersifat produktif. Walau bagaimanapun, prinsip-prinsip Syariah melarang daripada menerima keuntungan yang berlebihan²⁴ ataupun melalui manipulasi harga dan bekalan. Matlamat utama larangan tersebut ialah untuk menggalakkan dan mengangkat nilai-nilai moral dan sosial yang diiktiraf oleh Islam untuk kebaikan umat manusia secara bersama.²⁵ Jadi dengan adanya prinsip ini, masyarakat bukan Islam boleh secara beransur-ansur menerima kelebihan yang dijana oleh perbankan Islam.

Kepelbagaian Instrumen dan Produk

Oleh sebab Islam tidak membenarkan faedah, aktiviti perjudian, unsur-unsur ketidakpastian dan sebagainya, kesan yang boleh dilihat, produk perbankan Islam yang dibentuk dilihat berbeza berbanding produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan konvensional. Pengumpulan kekayaan amat digalakkan oleh Islam tetapi tidak melalui kaedah menghasilkan wang dengan wang. Dengan kata lain, setiap transaksi yang dilakukan perlu didasari oleh aset atau wujud perusahaan atau aktiviti pelaburan yang memerlukan pembiayaan. Implikasinya orang ramai melihat perbankan Islam hampir menyerupai operasi perbankan saudagar yang dilihat konservatif dan mengamalkan prinsip-prinsip perbankan tulen.²⁶ Walau bagaimanapun, selaku pelanggan terutamanya dari kalangan yang bukan beragama Islam mereka tidak perlu risau akan keadaan ini. Ini kerana walaupun syarat transaksi

²⁴ Untung berlebihan atau melampau dalam fiqh muamalat disebut sebagai *ghabn* iaitu keuntungan melampaui harga pasaran. Teori *al-ghabn al-fāhish* menggambarkan keuntungan melampaui harga pasaran dengan menggunakan penipuan. Perbuatan *al-ghabn al-fāhish* dalam perdagangan tidak dihalalkan dalam Islam. Namun jika *ghabn* ini bersifat kecil maka ia dimaafkan. Jika *ghabn* berlaku tanpa sebarang penipuan, perkara tersebut dihalalkan. Kegiatan *tanājush* iaitu manipulasi jika disertai unsur *al-ghabn al-fāhish* boleh memberi hak kepada pembeli membatalkan akad jual beli menurut pandangan majoriti fukaha Mazhab Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Ini menunjukkan jika *al-ghabn al-fāhish* disertai unsur *tanājush* maka ia tidak dihalalkan. Namun jika ia berlaku bawah ukur rujuk, perkara tersebut dimaafkan. Mazhab Hanafi telah menggariskan had tertinggi bagi *al-ghabn al-fāhish* dihalalkan seperti berikut: (a) 5% bagi barangan biasa, (b) 10% bagi binatang termasuk tunggangan/kenderaan dan (c) 20% bagi aset tetap. Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (2006), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, edisi ke-2, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti, h. 178-179.

²⁵ Salahuddin Ahmed (2006), *Islamic Banking Finance and Insurance: A Global Overview*, Kuala Lumpur: A.S Noodeen, h. 39.

²⁶ Natalie Schoon (2009), *Islamic banking and Finance*, London: Spiraus Press, h. 25.

dilihat ketat, namun perbankan Islam masih mampu menghasilkan pelbagai jenis produk kewangan dan instrumen kewangan yang berdaya saing bermula daripada instrumen tradisi iaitu perkhidmatan deposit dan pembiayaan hingga melibatkan produk-produk bermutu tinggi seperti pembiayaan perdagangan, hartanah, saham dan sebagainya. Cuma yang membezakannya dengan produk konvensional hanyalah dari sudut pendekatan dalam pembentukan dan penghasilan sesuatu produk.²⁷ Oleh demikian, semua kehendak kewangan perbankan Islam biasanya akan berusaha menawarkan pelbagai instrumen kewangan pelanggan sama ada di kalangan umat Islam mahupun bukan Islam dapat dipenuhi dengan baik dan diyakini. Kepelbagaian ini menunjukkan keluasan Islam dalam menyediakan peluang alternatif yang lebih murni kepada manusia.

Perbankan Islam Lebih Murah

Dalam sistem pinjaman konvensional yang berasaskan faedah, jika berlaku sebarang kemungkiran di pihak peminjam, kadar faedah pinjaman akan terus meningkat secara automatik yang berfungsi sebagai pencegah kepada kemungkiran. Keadaan ini amat membebankan pihak pelanggan khususnya kepada mereka yang membuat pembiayaan. Akan tetapi dalam perbankan Islam, tiada sebarang bayaran tambahan dikenakan. Kadar yang dikenakan oleh perbankan Islam bersifat tetap sepanjang tempoh pembayaran balik oleh pelanggan. Walau bagaimanapun dalam perbankan konvensional, jumlah bayaran balik pinjaman akan menjadi lebih mahal berbanding perbankan Islam kerana kadar faedahnya sentiasa berubah bergantung kepada perubahan kadar asas pinjaman walaupun pada peringkat awal pinjaman dibuat ia kelihatan lebih murah.²⁸ Kelebihan ini digunakan sepenuhnya oleh pelanggan bukan Islam di negara ini yang merupakan pelanggan terbanyak²⁹ yang membuat pembiayaan di bank-bank Islam. Fakta

²⁷ K. Ahmad (2000), "Islamic Finance and Banking: the Challenge and Prospects", *Review of Islamic Economics*, no. 9, h. 57-82; M. Umar Chapra (2000), "Why has Islam Prohibited Interest: Rationale Behind the Prohibition of Interest", *Review of Islamic Economics*, no. 9, h. 5-20; Asyraf Wajdi Dusuki dan Abdullah, N. I. (2007), "Why do Malaysian Customers Patronize Islamic Banks?", *International Journal of Bank Marketing*, jil. 2, no. 5(3), h. 142-160.

²⁸ Untuk rujukan lanjut, lihat Zaharuddin Abd Rahman (2008), *op.cit.*, h. 112-117.

²⁹ Kajian sebelum ini mendapati hanya 38.7 peratus daripada populasi Muslim di Malaysia menjadi pengguna serius perbankan Islam, manakala hanya 27.3 peratus yang faham akan perbezaan antara perbankan Islam dan perbankan konvensional. Husin Salamon (2004), "The Islamic Banking in Malaysia: Concept,

berkenaan perbankan Islam yang lebih murah ini telah menarik masyarakat bukan Islam untuk berurusan dengan institusi Islam. Adalah diharapkan penerusan amalan ini boleh membuang sebarang prejudis yang mungkin ada terhadap Islam dan institusinya yang lain.

Perkembangan Bilangan Institusi

Institusi kewangan di mana-mana sekalipun sentiasa mengalami perubahan ataupun transformasi. Begitu juga dengan bank-bank Islam yang pada peringkat awal hanya bertindak sebagai agen yang menerima wang dan menyediakan pembiayaan. Seterusnya selepas itu, bank-bank Islam mula berkembang menjadi institusi-institusi yang boleh digelar sebagai gedung kewangan. Apabila memasuki premis ataupun laman sesawang perbankan Islam, pelanggan boleh menemui banyak produk dan perkhidmatan kewangan ditawarkan.³⁰ Bilangan institusi perbankan Islam juga turut mengalami peningkatan yang agak ketara. Jumlah institusi yang banyak perlu disebarluaskan kerana apabila perkara ini dapat dicapai secara tidak langsung sesebuah sistem kewangan dapat diperdalam, iaitu memberi *depth* kepada sistem tersebut.³¹ Selain itu institusi perbankan Islam juga turut dikawal selia oleh beberapa badan perundangan dan kawal selia sama ada di peringkat antarabangsa mahupun tempatan bagi memantapkan keutuhan institusi. Dalam hal ini semua peserta pasaran sama ada pelabur mahupun pendeposit khususnya di kalangan bukan Islam tidak perlu bimbang mengenai kelangsungan institusi, keselamatan dana dan transaksi mereka sepanjang berurusan dengan perbankan Islam. Kepelbagaian pilihan yang selamat ini dapat berfungsi menarik perhatian masyarakat awam untuk mendekati institusi Islam, lalu secara tidak langsung, diharapkan dapat mendekatkan manusia dengan Islam itu sendiri.

Pengurusan yang Cepak Dan Berkesan

Wujud perbezaan yang jelas antara kelakuan perbankan Islam dengan perbankan konvensional terhadap pembiayaan yang dibuat terhadap pelanggan mereka. Bank-bank Islam adalah berasaskan

Operation, Challenges and Prospects”, dalam Bala Shanmugam et al. (ed.), *Islamic Banking: An International Perspective*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 88.

³⁰ Abdul Ghafar Ismail (2010), *Money, Islamic Banks and the Real Economy*, Singapore: Cengage Learning Asia, h. 7-10.

³¹ Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, h. 36.

ekuiti sedangkan bank konvensional pula berasaskan pinjaman. Bank Islam bergantung sepenuhnya kepada perjanjian pembahagian untung rugi, jadi dalam hal ini bank Islam perlu memberi perhatian yang lebih dari semasa ke semasa terhadap operasi perniagaannya dengan pelanggan berbanding perbankan konvensional. Sebuah bank konvensional lebih cenderung untuk mendapatkan faedah daripada peminjam justeru kurang bertanggungjawab dalam menyediakan bimbingan kewangan yang tepat dalam usaha memaksimumkan keuntungan kerana tidak mempunyai bahagian dalam projek perniagaan ataupun pelaburan. Manakala di pihak bank Islam, mereka mempunyai kepentingan langsung bagi menggalakkan amalan pengurusan yang baik dan efektif dalam perniagaan dan pelaburan yang diceburi oleh pelanggan mereka.³² Dari aspek makro, industri perbankan Islam di Malaysia mempunyai infrastruktur pengawasan, tadbir urus dan perundangan yang mantap dalam memastikan perbankan Islam sentiasa diurus secara profesional. Segala keperluan ini diwujudkan bagi tujuan memastikan industri perbankan Islam Malaysia bebas dari unsur-unsur yang boleh mencetuskan suasana ketidakpastian dalam pasaran sekali gus memperkuat keyakinan pelabur luar. Selain itu yang menjadi kelebihan bagi Malaysia sebagai peneraju perbankan Islam ialah apabila kerajaan memberikan sokongan dan dukungan secara berterusan terhadap industri ini seperti yang diumumkan dalam bajet 2010.³³ Pendedahan maklumat ini boleh meningkatkan kredibiliti Islam sebagai ajaran yang lebih bertanggungjawab, sehingga dalam urusan yang dianggap keduniaan. Ini sudah tentu berupaya menarik perhatian masyarakat seluruhnya jika diketahui secara meluas.

Perbankan untuk Semua

Walaupun sistem perbankan Islam dibentuk berasaskan prinsip Syariah bagi memenuhi keperluan kewangan umat Islam, namun ia tidak terbatas kepada umat Islam sahaja, malah ia turut ditawarkan kepada golongan bukan Islam.³⁴ Buktinya sehingga kini produk dan

³² *Ibid.*, h. 41.

³³ Bajet 2010 memberi tumpuan kepada perkembangan sektor kewangan Islam menerusi dua pendekatan. Pertamanya menerusi cadangan melanjutkan galakan cukai sedia ada sehingga 2015. Keduanya, memperluaskan lagi skop galakan.

³⁴ Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam (2008), *op.cit.*, h. 13. Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) umpamanya menetapkan bahawa matlamat korporat penubuhannya adalah untuk menyediakan kemudahan-kemudahan dan khidmat-khidmat bank atas landasan prinsip, peraturan dan amalan Islam pada

perkhidmatan perbankan Islam mendapat sambutan luar biasa di kalangan pelanggan bukan Islam di seluruh dunia.³⁵ Institusi kewangan gergasi bertaraf antarabangsa³⁶ termasuk institusi kewangan domestik juga turut terlibat dalam menawarkan perkhidmatan perbankan Islam.³⁷ Kesimpulannya yang boleh dibuat di sini ialah pada peringkat awal penubuhan perbankan Islam, pelanggan-pelanggan memilih bank Islam hanya berasaskan faktor agama semata-mata, namun kini perbankan Islam tidak lagi dilihat sebagai institusi agama, malah sebagai institusi untuk semua yang berdaya saing, stabil dan mampu memberikan pulangan yang tinggi kepada pelanggan-pelanggannya. Kebanyakan negara bukan Islam seperti Amerika Syarikat,³⁸ Britain,³⁹ Switzerland,⁴⁰ Rusia,⁴¹ Perancis,⁴² Jerman,⁴³ Jepun, Korea Selatan, Thailand dan sebagainya juga turut terkena tempias daripada perkembangan yang berlaku dalam industri perbankan Islam⁴⁴. Sehubungan itu, sifat keterbukaan bank Islam boleh menjadi aset yang berguna untuk dimanipulasikan untuk tujuan dakwah Islamiah.

semua kaum dan rakyat negara ini. Prinsip peraturan dan amalan ini adalah sebenarnya hukum-hukum muamalat Islam yang berkaitan dengan urusan bank dan kewangan. Bank Islam Malaysia Berhad (2000), *Laporan tahunan 2000*, Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad.

³⁵ Asyraf Wajdi Dusuki dan Abdullah, N. I. (2007), *op.cit.*, h. 142-160.

³⁶ Perkembangan dan pertumbuhan perbankan Islam di seluruh dunia telah menarik perhatian bank-bank komersial konvensional. Terdapat begitu banyak bank-bank antarabangsa seperti Citibank, HSBC, Barclays dan Standard Chartered, kini menjadi peserta aktif melalui bank Islam subsidiari mereka sendiri. Kym Brown dan Michael Skully (2009), "Islamic Banks from a Global Perspective", *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, jil. 3, no. 2, h. 105-133.

³⁷ K. Holliday (1996), "Keeping Close to the Customer", *Bank Marketing*, jil. 28, no. 6, pp. 14-19.

³⁸ American Finance House, BMI Finance and Investment Group, New Jersey, HSBC, USA, Islamic Credit Union of Minnesota, (ICUM), MEF Money, USA.

³⁹ ABC International Bank, London, Global Islamic Finance, HSBC Investment Bank Plc dan Citibank International Plc, London.

⁴⁰ Pan Islamic Consultancy Services Istishara SA, Geneva, Faisal Finance (Switzerland) SA, Geneva.

⁴¹ BADR Bank.

⁴² Societe General, Capital Guidance dan BNP Paribas.

⁴³ Bank Sepah, Commerz Bank dan Deutsche Bank.

⁴⁴ Mohammad Saif Noman Khan, M. Kabir Hassan dan Abdullah Ibneyy Shahid (2007), "Banking Behavior of Islamic Bank Customers in Bangladesh", *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, jil. 3, no. 2, h.159-194.

Semangat Kerjasama

Islam mewajibkan setiap individu Muslim yang berkemampuan supaya menyumbangkan bahagian daripada kekayaan yang dimiliki kepada golongan yang memerlukan. Sumbangan ini disebut sebagai zakat⁴⁵ yang merupakan cukai daripada kategori kekayaan tertentu. Kepentingan zakat ialah ia merupakan rukun Islam yang keempat selain mengucap dua kalimah syahadah, menunaikan solat lima waktu, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan. Zakat biasanya dikenakan sebanyak 2.5 peratus daripada kekayaan individu. Zakat akan merapatkan jurang yang wujud antara golongan kaya dan orang miskin dan dapat memastikan semua keperluan masyarakat dapat dipenuhi.⁴⁶ Bank Islam melaksanakan tanggungjawab membayar zakat setiap tahun yang meliputi zakat perniagaan sama ada melalui institusi zakat ataupun terus kepada penerima yang berhak. Peruntukan zakat ini biasanya sudah dinyatakan dalam kunci kira-kira bank Islam yang diambil daripada keuntungan kasar bank sebelum zakat dan cukai. Jadi dalam usaha melaksanakan dakwah kepada masyarakat bukan Islam, dana zakat tersebut diagihkan kepada asnaf yang dinyatakan dalam al-Qur'an⁴⁷ lebih-lebih lagi kepada asnaf muallaf. Usaha ini dibuat supaya orang yang baru memeluk Islam iaitu "orang yang dijinakkan hatinya" apabila diberi bantuan zakat, mereka akan teguh mencintai Islam.⁴⁸ Di sini, kelihatannya sistem perbankan Islam terlibat secara langsung dengan dakwah.

Peluang Pelaburan

Perbankan Islam menawarkan pelbagai bentuk peluang pelaburan kepada para pelanggan yang bersifat inovatif dan kreatif melalui instrumen pelaburan yang pelbagai. Dalam melaksanakan fungsi pelaburan, bank Islam mengguna pakai instrumen kewangan Islam

⁴⁵ Dalam bahasa Arab, "zakat" secara umum bererti pertambahan. Berasaskan pengertian umum ini, ia kemudiannya digunakan bagi banyak pengertian seperti cerdik, subur, jernih, berkat, kepujian, bersih dan lain-lain. Lihat Ibn Manzūr (1990), *op.cit.*, h. 358-259.

⁴⁶ Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam (2008), *op.cit.*, h. 9.

⁴⁷ Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, *orang yang dijinakkan hatinya (muallaf)*, hamba sahaya (untuk dimerdekakan), untuk (membebaskan) orang-orang berhutang, untuk jalan Allah SWT dan untuk orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Terjemahan al-Qur'an, *Surah al-Tawbah*, 9: 60.

⁴⁸ Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/baru/k-zakat/asnaf1.asp>, dicapai 16 Jun 2010.

yang berasaskan prinsip perkongsian untung atau *muḍārabah* dan usaha sama atau *mushārah* secara optimum. Melalui dua prinsip ini, bank Islam terbukti mampu menghasilkan pelbagai produk pelaburan bermula daripada akaun deposit am hingga melibatkan pelaburan yang lebih besar seperti pelaburan dalam produk berstruktur, hartanah dan sebagainya. Dalam hal ini, bank Islam biasanya memainkan dua peranan utama sebagai perantara kewangan. Pertamanya sebagai pengusaha atau *muḍārib* yang menguruskan akaun deposit pelaburan pelanggan, dan yang kedua sebagai pemilik modal atau *ṣāhib al-māl* yang bertindak menguruskan dana-dana pelaburan. Selain itu, peluang pelaburan yang disediakan bank Islam turut diyakini kerana kedua-dua pihak yang terlibat akan turut serta dalam mengusahakan suatu perniagaan atau projek berbanding bank konvensional. Buktinya firma Standard and Poor yang merupakan salah sebuah agensi penarafan antarabangsa terhadap institusi kewangan Islam mendapati operasi perbankan Islam dilihat lebih telus kerana pelanggan-pelanggan dapat mengetahui dengan jelas ke mana wang mereka disalurkan.⁴⁹ Pengiktirafan ini secara langsung menunjukkan perakuan masyarakat bukan Islam terhadap sistem kewangan Islam yang jika disebarluaskan maklumatnya sudah tentu, secara logiknya, boleh mendekatkan manusia dengan Islam.

Pembangunan Ekonomi

Industri perbankan Islam dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara melalui instrumen muamalat yang ditawarkan lebih-lebih lagi yang berasaskan prinsip perkongsian untung-rugi yang unik seperti *mushārah* dan *muḍārabah*. Dalam hal ini, pembiayaan dan deposit di institusi perbankan Islam diperluaskan di bawah perjanjian perkongsian untung rugi. Bank Islam selaku penyedia dana atau *ṣāhib al-māl* dalam keadaan ini akan cenderung untuk mengetahui keadaan pelabur atau *muḍārib* bagi memastikan dana yang disalurkan digunakan untuk tujuan produktif. Kaedah ini diakui mampu mengeratkan lagi hubungan antara pengantara kewangan iaitu bank Islam dengan penyedia dana dan juga pelanggan. Ini juga akan menggalakkan lagi kegiatan ekonomi yang produktif dan seterusnya meningkatkan keadilan sosioekonomi. Apabila matlamat ini berjaya dicapai, secara tidak langsung pertumbuhan ekonomi dapat

⁴⁹ Salahuddin Ahmed (2006), *op.cit.*, h. 41.

dikecapi oleh semua lapisan rakyat⁵⁰ melalui peningkatan berterusan dalam petunjuk utama ekonomi negara seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), pendapatan bersih kerajaan peningkatan dalam eksport negara, penurunan kadar pengangguran dan sebagainya. Jika sistem perbankan Islam boleh membuktikan fungsinya dalam pertumbuhan ekonomi yang lebih bertanggungjawab, ia bakal menjadi tarikan utama kepada golongan bukan Islam, khususnya masyarakat peniaga di Malaysia yang pada mata kasarnya nampak dipelopori oleh kalangan orang Cina yang bukan Islam. Justeru, pengukuhan ekonomi melalui kewangan Islam boleh dilihat sebagai wahana dakwah dalam konteks ini.

Ampuh Terhadap Krisis Ekonomi

Amatlah jelas kini bahawa sektor bank konvensional yang bertanggungjawab dalam kejatuhan sistem kewangan yang melanda dunia. Ia merupakan kegagalan sistem bank pusat dan kejatuhan sistem kapitalis. Perbankan sewajarnya dipertanggungjawabkan atas krisis ini memandangkan bank banyak “mencipta wang” begitu sahaja tanpa disandarkan kepada apa-apa, pada kadar yang jauh lebih tinggi ditambah penambahan kadar daripada kemampuan sebenar perkembangan ekonomi sesebuah negara. Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya *bubbles* dalam sektor kewangan. Walau bagaimanapun, institusi perbankan Islam pada masa berlakunya krisis kelihatan stabil dan ampuh. Keadaan ini kerana institusi perbankan Islam tidak melabur dalam instrumen hutang seperti *mortgage-based collateralized debt obligations* ataupun *credit default swaps* yang mengakibatkan kejatuhan nilai mata wang. Produk perbankan Islam lebih berasaskan aset dan tidak berasaskan hutang. Faktor ini ditambah jaringan terus kepada aset tetap yang menyebabkan kestabilan serta melindungi daripada masalah hutang piutang.⁵¹ Atas faktor inilah sistem perbankan Islam semakin mendapat perhatian negara-negara kuasa ekonomi dunia sebagai alternatif kepada sistem perbankan konvensional. Bukan rahsia juga, institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund (IMF) turut menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji infrastruktur perbankan Islam kerana

⁵⁰ M. Ali dan A. A. Sarkar (1995), “Islamic Banking: Principles and Operational Methodology”, *Thoughts on Economics*, jil. 5, no. 3-4, h. 4.

⁵¹ Mohammad Saif Noman Khan, M. Kabir Hassan dan Abdullah Ibneyy Shahid (2007), *op.cit.*, h. 159-194.

keyakinan yang tinggi terhadap ketahanannya. Selain itu banyak negara bukan Islam yang berlumba-lumba memasarkan produk kewangan Islam. Malah tidak sedikit juga yang turut mengisytiharkan untuk menjadi hub kewangan Islam serantau seperti Singapura, Hong Kong dan United Kingdom.⁵² Di sini, boleh dikatakan bahawa tidak ada elemen lain selain sistem kewangan dalam ajaran Islam yang telah mendapat perhatian secara positif daripada masyarakat bukan Islam antarabangsa. Secara langsung, ia boleh menjadi medium yang perlu lebih ditonjolkan untuk menarik semua manusia mendekati Islam.

Pertumbuhan Memberangsangkan

Industri perbankan Islam di negara ini mempamerkan prestasi pertumbuhan yang membanggakan dari tahun ke tahun sejak penubuhan bank Islam yang pertama iaitu Bank Islam Malaysia Berhad. Setiap tahun, industri perbankan Islam di Malaysia mengalami pertumbuhan aset sekitar 15 hingga 20 peratus setahun dan kini nilai aset yang dimiliki sudah mencapai RM147 bilion yang mewakili 12.3 peratus daripada keseluruhan aset perbankan negara.⁵³ Misalnya pada 2006, aset perbankan Islam mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak RM117,448,000 juta berbanding ketika era permulaan penubuhan bank Islam pertama pada tahun 1983 iaitu hanya sekitar RM369,800 juta.⁵⁴ Prestasi yang ditunjukkan ini cukup menampakkan keupayaan industri perbankan Islam di Malaysia, selain mempunyai struktur kewangan Islam yang komprehensif bukan sahaja melibatkan sektor perbankan, malah menerusi pasaran modal Islam, pasaran wang Islam, takaful, saham dan sebagainya. Dengan pencapaian ini, sistem perbankan Islam bukan setakat mampu menarik pelanggan dari kalangan umat Islam, malah pelanggan bukan Islam⁵⁵. Begitu pun, semua ini memerlukan kesedaran di kalangan umat Islam sendiri secara umumnya, dan pemain Muslim dalam sistem kewangan

⁵² Mohd Khuzairi (2009), “Landasan Jadikan Malaysia Hub Kewangan Islam”, dalam *Berita Harian*, Khamis 29 Oktober.

⁵³ Berita Harian Online, <http://www.bharian.com.my>, dicapai 30 Januari 2008.

⁵⁴ Mohammad Taqiuddin Mohamad (2009), “Penentu Keuntungan Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Kajian di Bank-bank Islam Terpilih” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 72.

⁵⁵ Misalnya kajian oleh Husin Salamon mendapati pelanggan bukan Islam merupakan pengguna teramai produk pembiayaan yang ditawarkan oleh perbankan Islam di Malaysia ekoran kelebihan yang dimiliki oleh produk-produk pembiayaan yang ditawarkan. Husin Salamon (2004), *op.cit.*, h. 88.

Islam itu sendiri khususnya, agar menonjolkan dan mempergunakan kelebihan dan kekuatan yang ada hasil daripada manifestasi ajaran Islam dalam soal kewangan dan ekonomi ini. Daripada kesedaran inilah, baru ia boleh diperluaskan sebagai alat untuk berdakwah menarik manusia kepada Islam.

Penutup

Hakikatnya, dakwah melalui perbankan Islam mempunyai potensi yang amat besar. Namun keupayaan pemain-pemain pasaran dalam industri ini untuk memaksimumkan penggunaan medium ini masih di tahap yang tidak boleh dibanggakan lagi. Seharusnya mulai sekarang semua pemain pasaran yang terdiri di daripada jurubank, ahli akademik, pembuat dasar, pengurusan atasan bank dan sebagainya menyedari hakikat bahawa perbankan Islam merupakan medium dakwah berpotensi yang tidak hanya memberikan keuntungan, malah menyediakan ruang dan peluang kepada pengamal untuk mendapatkan ganjaran pahala.

Jadi, makalah ini mendapati industri perbankan Islam sememangnya terbukti mampu berperanan sebagai salah satu daripada pendekatan baru pelaksanaan dakwah di Malaysia sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Banyak usaha yang telah dilakukan sebelum ini oleh pelbagai pihak sama ada oleh orang perseorangan, badan kerajaan,⁵⁶ badan bukan kerajaan, parti politik⁵⁷ dan sebagainya, namun usaha yang dilakukan ini didapati masih belum mencapai tahap optimum.

Hal ini kerana pendekatan dakwah sebelum ini memerlukan golongan pendakwah pergi menemui orang yang diseru untuk menyampai dakwah. Sebaliknya melalui medium perbankan Islam ini, pelaksanaan dakwah dapat dilakukan secara sebaliknya di mana golongan sasaran pula yang datang menemui pendakwah, dengan maksud masyarakat seluruhnya datang ke bank-bank Islam bagi memenuhi keperluan kewangan sama ada secara individu, keluarga, perniagaan, institusi dan juga kerajaan. Dalam perungkapan ekonomi, setiap mereka akan berdepan dengan masalah kekurangan dan memerlukan dana daripada pihak yang mempunyai lebih.

⁵⁶ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) dan sebagainya.

⁵⁷ Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islah Malaysia (JIM), Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan sebagainya.

Justeru dalam hal ini industri perbankan Islam seharusnya mengambil peluang yang terbuka luas ini untuk membuktikan bahawa instrumen kewangan yang ditawarkan oleh Islam bukan sekadar mampu memenuhi keperluan kewangan di atas, malah mampu menjamin kestabilan dan keuntungan di samping tidak memisahkan nilai-nilai moral dan etika yang tinggi. Banyak usaha perlu digarapkan lagi supaya cita-cita untuk memartabatkan kewangan Islam dalam sistem perekonomian sesebuah negara dapat dicapai suatu hari nanti.

Bibliografi

- Ab. Aziz Mohd Zain (2003), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Ghafar Ismail dan Achmad Tohirin (2009), "Finance and Growth: the Role of Islamic Contracts", *MPRA Paper*, no. 13744.
- Abdul Ghafar Ismail (2010), *Money, Islamic Banks and the Real Economy*, Singapore: Cengage Learning Asia.
- Abdul Hadi Awang (2005), *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*, Kuala Lumpur: Nufair Street.
- Abdul Halim Ismail (1983), "Bank Islam Malaysia Berhad: Structure and Functions" (Seminar on Current Trends and Development of the Banking Industries in Malaysia, Public Bank Berhad, Kuala Lumpur).
- _____ (2005), "Bank Islam Malaysia Berhad: Principles and Operations", dalam Aidit Ghazali et al. (ed.), *An Introduction to Islamic Economics and Finance*, Kuala Lumpur: CERT Publications.
- Abdul Majid Omar (2007), "Pengenalan Dakwah" (Makalah Kursus Pendekatan Dakwah Kontemporari, Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, Bangi, 28-30 Mei 2007).
- Abū Dawūd Sulayman bin al-Ash'ath (2000), "Sunan Abī Dawūd", dalam Ṣāliḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh (ed.), *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Ahamed Kameel Mydin Meera (2009), "Peranan Institusi Kewangan Islam dalam Meningkatkan Pemilikan Kekayaan Ummah: Satu Gagasan dan Cabaran Pelaksanaan" (Kerta Kerja Kongres Ekonomi Islam Ketiga, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, 12-15 Januari).
- Ahmad Redzuan Mohd Yunus dan Che Yusoff Che Mat (2003), "Pendekatan Dakwah kepada Masyarakat India Muslim: Kajian ke Atas Persekutuan Muslimin Indo-Malaysia (PERMIM)", *Jurnal Usuluddin*, bil. 17, h. 137-152.

- Ahmad, K. (2000), "Islamic Finance and Banking: the Challenge and Prospects", *Review of Islamic Economics*, no. 9, h. 57-82.
- Ali, M. dan Sarkar, A. A. (1995), "Islamic Banking: Principles and Operational Methodology", *Thoughts on Economics*, jil. 5, no. 3-4.
- Asyraf Wajidi Dusuki dan Abdullah, N. I. (2007), "Why do Malaysian Customers Patronize Islamic Banks?", *International Journal of Bank Marketing*, jil. 2, no. 5(3), h. 142-160.
- Aziz, Z. A. (2005), "Lesson from the Malaysian Example of Islamic Finance", *Islamic Business and Finance*, jil. 1, h. 8-12.
- Bank Islam Malaysia Berhad, http://www.bankislam.com.my/bimb_pdf/bimb_history.pdf, dicapai 1 April 2008.
- Bank Islam Malaysia Berhad (1985), *Laporan tahunan 1985*, Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad.
- Bank Islam Malaysia Berhad (2000), *Laporan tahunan 2000*, Kuala Lumpur: Bank Islam Malaysia Berhad.
- Bank Negara Malaysia, http://www.bnm.gov.my/microsites/financial/0204_ib_takaful.htm#res, dicapai 1 April 2008.
- Bank Negara Malaysia, <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=174&pg=470>, dicapai 3 April 2008.
- Berita Harian Online, <http://www.bharian.com.my>, dicapai 30 Januari 2008.
- Brown, Kym dan Skully, Michael (2009), "Islamic Banks from a Global Perspective", *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, jil. 3, no. 2, h. 105-133.
- Chandra Muzaffar (1988), *Kebangkitan Semula Islam di Malaysia*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Chapra, M. Umar (2000), "Why has Islam Prohibited Interest: Rationale Behind the Prohibition of Interest", *Review of Islamic Economics*, no. 9, h. 5-20.
- Cheah Kooi Guan (1994), *Institusi-institusi Kewangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hailani Muji Tahir (2005), "Sejarah Pasaran Modal Islam di Malaysia: Pengenalan Sistem dan Struktur", dalam Mohammad Zaini Yahya et al. (ed.), *Isu Syariah dan Undang-undang*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hamim Syahrudin, A. M. dan Syed Musa al-Habsyi (2007), "Development and Growth of Islamic Banking Industry in Malaysia" (Seminar Industri dan Pasaran Kewangan Islam, Bukit Unggul Country Club, Dengkil, Selangor, 27-28 Februari).
- Husin Salomon (2004), "The Islamic Banking in Malaysia: Concept, Operation, Challenges and Prospects", dalam Bala Shanmugam et al.

- (ed.), *Islamic Banking: an International Perspective*, Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ibn Manzūr, Abū al-Faḍl Muḥammad bin Mukarram (1990), *Lisān al-‘Arab*, Beirut: Dār al-Šādir.
- International Centre for Education in Islamic Finance (2006), *Islamic Financial Institutions and Markets*, Kuala Lumpur: International Centre for Education in Islamic Finance.
- Joni Tamkin Borhan (2005), “Pelaksanaan Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia”, dalam Abdullah Alwi Haji Hasan et al. (ed.), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, h. 41-87.
- Joni Tamkin Borhan dan Hadenan Towpek (2006), *Untung dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- H. Asep Muhiddin (2002), *Dakwah dalam Perspektif al-Qur’an*, Bandung: CV Pustaka Setia.
- Holliday, K. (1996), “Keeping Close to the Customer”, *Bank Marketing*, jil. 28, no. 6, pp. 14-19.
- Kamal Khir, Lokesh Gupta dan Bala Shanmugam (2008), *Islamic Banking: A Practical Perspective*, Petaling Jaya: Pearson Malaysia.
- Kamus Dewan* (2000), edisi ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my/baru/k-zakat/asnaf1.asp>, dicapai 16 Jun 2010.
- Mahmūd, ‘Alī ‘Abd al-Ḥalīm (1992), *Fiqh al-Da‘wah al-Fardiyyah*, t.tp.: Dār al-Wafā’.
- Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (2006), *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, edisi ke-2, Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti.
- Malaysian Islamic Financial Centre (2009), <http://www.mifc.com>, dicapai 15 Disember 2009.
- Mohammad Saif Noman Khan, M. Kabir Hassan dan Abdullah Ibneyy Shahid (2007), “Banking Behavior of Islamic Bank Customers in Bangladesh”, *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, jil. 3, no. 2, h.159-194.
- Mohammad Taqiuddin Mohamad (2009), “Penentu Keuntungan Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Kajian di Bank-bank Islam Terpilih” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

- Mohd Ali Baharom (1999), “SPTF Sebagai Alternatif dalam Sistem Kewangan Negara”, dalam Abdul Jalil Borhan (ed.), *Sains Muamalah Islam*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Khuzairi (2009), “Landasan Jadikan Malaysia Hub Kewangan Islam”, dalam *Berita Harian*, Khamis 29 Oktober.
- Muhammad Thalib (1997), *Riba, Bunga Bank dan Persoalannya*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn, bin al-Ḥajjāj (2000), “Ṣaḥīḥ Muslim”, dalam Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (ed.), *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Mustafa Dakian (2005), *Sistem Kewangan Islam: Instrumen, Mekanisme dan Pelaksanaannya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Mustapa Mohamad (1999), “Keynote Speech” (International Seminar on the Economic and Financial Imperatives of Globalisation: An Islamic Response, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur, 8-9 April).
- Nor Mohamed Yakcop (1996), *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.
- Norlela Kamaruddin (2000), “The Prohibition of Riba: A Religious Moral Obligation...?”, *Jurnal Tasawwur Islam*, jil. 4, September, h. 22-27.
- Salahuddin Ahmed (2006), *Islamic Banking Finance and Insurance: A Global Overview*, Kuala Lumpur: A.S Noodeen.
- Schoon, Natalie (2009), *Islamic banking and Finance*, London, Spiraus Press.
- Sidhu, J. S. (2004), “Last 2 Islamic Banking Licenses Awarded”, *The Star*, 5 Oktober 2004, h. 8.
- Suleiman Mohammad (2011), “American Muslims Perceptions of Islamic Banking in the Chicago Metropolitan Area” (Tesis Doktor Falsafah, Chicago College of Business and Information Technology).
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Īsā Muḥammad bin ‘Īsā (2000), “Jāmi‘ al-Tirmidhī”, dalam Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (ed.), *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, Riyadh: Dār al-Salām, 2000.
- Zaharuddin Abd Rahman (2008), *Wang, Anda dan Islam*, Kuala Lumpur: TrueWealth.
- Zakariyya Man (1991), “Islamic Banking: Prospect for Mudharabah and Musharakah Financing”, dalam Abul Hasan M. Sadeq, Ataul Huq Pramanik dan Nik Mustapha Nik Hassan (ed.), *Development and Finance in Islam*, Petaling Jaya: International Islamic University Press, h. 239-251.